

JPS perkenal laman web akses maklumat banjir

MELAKA – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memperkenalkan aplikasi terbaharu laman web *Public InfoBanjir* bagi menyampaikan maklumat dan amaran awal kepada orang ramai ketika berdepan dengan bencana banjir yang dijangka dihadapi pada musim tengkujuh tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup berkata, sistem penyediaan maklumat itu penting untuk memastikan orang ramai lebih bersedia dan peka

ketika menghadapi banjir terutamanya melibatkan kawasan kawasan yang berisiko tinggi.

“Dengan adanya informasi ini masyarakat dapat membuat persediaan awal sebelum berlakunya banjir,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan laman web *Public InfoBanjir* di Banda Hilir sini semalam.

Beliau menyifatkan pelancaran laman web itu adalah bertepatan dengan fenomena negara yang kini sedang menghadapi musim

tengkujuh.

“JPS telah berjaya menyorak langkah yang baik dalam memberikan maklumat berguna kepada orang awam dan saya berharap pihak JPS akan terus menambah baik laman web ini dari semasa ke semasa demi keperluan rakyat,” katanya

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai bencana banjir boleh menaiki *Public InfoBanjir* di Internet. Maklumat itu turut terdapat di Facebook dan Twitter.



JOSEPH (tiga dari kiri) melancarkan laman *Public InfoBanjir* di Banda Hilir, Melaka semalam.